



Oleh **Noor Mohamad bin Shakil Hameed**

Amanat sudah diberi, amanah usah diabai

Pemilihan-UMNO kali ini membuka satu lagi lembaran baru ke arah mentransformasikan parti keramat orang Melayu ini agar terus kekal relevan dan mendapat sokongan seluruh rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu. Pengundian memilih semua jawatan utama bermula daripada peringkat bahagian hingga ke peringkat pusat, termasuk jawatan Naib Presiden serta tiga sayap utama menyaksikan 146,500 perwakilan daripada seluruh negara.

Dalam hal ini, kematangan dan hasrat perwakilan yang mengutamakan perpaduan parti terselah sejak awal lagi apabila jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dimenangi tanpa pertandingan bagi mengelak sebarang perpecahan.

Walaupun keputusan pemilihan jawatan Naib Presiden menyaksikan semua tiga penyandang iaitu Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan Datuk Seri Hishammuddin Hussein mempertahankan jawatan masing-masing, namun kemunculan calon muka baru Datuk Mukhriz Mahathir yang hampir membuat kejutan, malah memperoleh undi popular yang agak tinggi jelas membayangkan kematangan serta hasrat ahli UMNO di peringkat akar umbi.

Ketiga-tiga calon yang menang ini perlu membuktikan bahawa mereka layak dan mampu menerjemahkan hasrat seluruh ahli UMNO yang mahukan transformasi menyeluruh. Ini ditambah pula dengan gandingan orang lama dan muka baru serta orang muda dalam Majlis Tertinggi yang pastinya bakal mewujudkan sinergi kepimpinan berwajah baru, sekali gus boleh membantu meremajakan UMNO melalui proses transformasi yang menyeluruh. Ternyata MT kali ini di baris gandingan pemimpin yang cukup berpengalaman dan hebat.

Begitu juga halnya dengan pemilihan tiga sayap utama UMNO seperti dijangka oleh semua pihak Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Khairy Jamaluddin berjaya mempertahankan jawatan Ketua Wanita dan Ketua Pemuda UMNO untuk tempoh tiga tahun akan datang. Mas Ermeyati pula berjaya memenangi kerusi Ketua Puteri tanpa sebarang masalah mahupun cabaran yang besar.

Kemenangan mudah ketiga-tiga pemimpin sayap utama UMNO ini menepati ramalan semua pihak sebelum ini selepas mengambil kira kemampuan, pengalaman dan kredibiliti masing-masing.

Debaran pemilihan UMNO sudah pun berakhir. Inilah barisan yang akan memikul harapan semua pihak untuk tiga tahun akan datang. Justeru, keputusan terlakar ini wajar diterima dengan hati terbuka.

Transformasi pemilihan dalam UMNO kali ini mencatatkan satu lagi sejarah tersendiri apabila membabitkan semua bahagian di seluruh negara atau dalam erti kata lain menzahirkan suara akar umbi ahli UMNO.

Maka undi dan amanat yang diperoleh oleh calon yang menang ini suara dan amanat ahli UMNO daripada akar umbi di seluruh pelosok negara. Sewajarnya tidak timbul sebarang kesangsian mahupun keraguan dalam kemenangan calon.

Hakikatnya, UMNO tulang belakang kerajaan memerintah, bermakna ahlinya dan rakyat secara keseluruhannya ingin melihat siapakah calon barisan pelapis pemimpin parti. Apa diharapkan semua pihak sekarang ialah semua ahli UMNO baik yang menang mahupun yang kalah serta tidak bertanding akan berusaha merapatkan barisan bagi membentuk pasukan kuat dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Misi besar Pemuda, Puteri

Pergerakan Pemuda dan Puteri, terutama mempunyai tanggungjawab dan misi cukup besar iaitu menarik sokongan dan kepercayaan anak muda untuk kembali menyokong UMNO.

Berdasarkan rekod, pengundian PRU-12 dan PRU-13 jelas menunjukkan trend golongan muda masih sukar didekati. Maka kedua-dua sayap ini perlu berkerjasama daripada sekarang untuk menyajakan golongan muda agar kembali bertaut kepada UMNO. Gunakanlah tempoh tiga tahun akan datang ini sebaik mungkin untuk mendekati golongan muda bagi memahami kehendak mereka supaya dapat menarik sokongan mereka.

Ahli sudah pun memberi ke-

percayaan maka calon yang menang perlulah buktikan kemampuan dan jangan sama sekali mengecewakan harapan pengundi dari seluruh negara.

Ketiga-tiga pemimpin sayap juga perlu segera menutup dan mengatasi segala perpecahan mahupun perbalahan yang mungkin timbul akibat daripada proses pertandingan kali ini.

Yang menang perlu rendah diri dan tidak boleh ego mahupun sombong, manakala yang kalah perlu terima dengan hati terbuka

dan terus memberikan sokongan kepada parti. Kedudukan parti perlu diutamakan berbanding kepentingan peribadi.

Naib Presiden serta barisan ahli Majlis Tertinggi pula perlu memastikan transformasi yang diidamkan men-

jadi kenyataan. Gabungan muka lama dan muka baru sewajarnya menghasilkan mutu dan kualiti kepimpinan dan perjuangan yang matang dan tulen. Apa yang penting keikhlasan semua calon yang menang menghulurkan tangan persahabatan kepada calon yang kalah serta ahli yang lain demi merapatkan barisan dan meneruskan perjuangan.

Perlu diingat bahawa tempoh tiga tahun akan datang bukanlah masa untuk meraikan kemenangan mahupun berbulun madu. PRU-14 perlu dijadikan agenda utama agar UMNO terus mendapat sokongan dan keyakinan rakyat Malaysia. Barisan kepimpinan inilah bakal menjadi tulang belakang utama yang mencorakkan kemenangan parti dalam PRU-14 kelak.

Tiada masa lagi untuk bertelagah sebaliknya usaha untuk merapatkan barisan perlu terus dipacu dengan segera daripada peringkat akar umbi agar UMNO terus kukuh dan kuat.

Jangan sesekali menghampakan amanat yang diberikan oleh perwakilan. Sedar dan insaf lah tanggungjawab yang diamanahkan. Setiap calon yang menang perlu diberikan tugas signifikan supaya dapat menyumbang tenaga dan idea dalam mentransformasikan UMNO. Calon yang kalah juga perlu diberi ruang secukupnya untuk turut menyumbang demi kemajuan parti.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM

FAKTA
PRU-14 perlu dijadikan agenda utama agar UMNO terus dapat sokongan rakyat Malaysia